

Adat perkahwinan etnik Bajau di Pantai Barat Sabah: satu pandangan dini dari dimensi tradisi dan moden

Abstrak

Perkahwinan merupakan salah satu proses membina sebuah 'negara kecil' dalam sebuah unit kecil bernama keluarga. Untuk memulai sesebuah perkahwinan, terdapat pelbagai perkara yang perlu dipenuhi, sama ada keperluan tersebut bersifat adat tradisi mahupun kewajipan beragama. Sebagai sebuah kumpulan etnik yang masih kuat berpegang kepada adat tradisi, orang-orang Bajau masih mengamalkan dan mengekalkan banyak adat tradisi yang tidak bercanggah dengan kehendak agama. Sehubungan itu, makalah ini menampilkan satu perbincangan tentang aspek perkahwinan orang-orang Bajau daripada dua dimensi, iaitu dimensi tradisi dan moden. Perubahan bersifat fizikal dan mental sedang dirasai oleh seluruh ahli masyarakat ini, sama ada berlaku dengan pantas atau sebaliknya. Meskipun tidak semua dimensi tradisi diamalkan, ia telah diubah suai untuk memenuhi kehendak dan keperluan semasa yang sedang melanda seluruh ahli masyarakat ini. Kebanyakan generasi muda Bajau memilih untuk mengubah amalan tradisi untuk diseirinkan dengan perkembangan zaman.